

LEMBAGA JURUKUR TANAH  
SEMENANJUNG MALAYSIA

Bil: LSB 6 Pt.2/66

d/a Tingkat 1,  
Bangunan Jabatan Ukur,  
Jalan Gurney,  
Kuala Lumpur 15-02.  
22hb Mei 1979.

<sup>3</sup>  
Pekeliling L.J.T. No. 1/1979

Semua Pengarah Ukur (kecuali Topografik).

Semua Jurukur Berlesen.

Tuan,

MENUNTUT BAYARAN DARI PADA LEMBAGA

Borang LJT 2

Pengalaman yang ada sekarang ialah Jurukur Berlesen menyediakan Borang LJT 2 dan menghantarkan 3 salinan (yang berwarna putih, kuning dan biru) berserta dengan Pelan Akui yang disediakan olehnya kepada Pengarah Ukur Negeri yang berkenaan. Pengarah Ukur pula menghantarkan salinan yang berwarna putih dan kuning kepada Setiausaha Lembaga ini.

2. Untuk membolehkan Lembaga ini mempercepatkan bayaran kepada Jurukur Berlesen apabila Pelan Akui telah dihantar kepada Pengarah Ukur Negeri yang berkenaan, peraturan-peraturan dibawah ini hendaklah dilaksanakan mulai daripada tarikh Pekeliling ini:-

- (a) Jurukur Berlesen hendaklah menghantarkan kepada Pengarah Ukur, Pelan Akui nya berserta dengan suratan-suratan yang lain, dan kepilkan Borang LJT 2 yang berwarna biru dan dua salinan Borang LJT 3 yang telah siap diisikan dengan maklumat-maklumat yang dikehendaki.
- (b) Borang LJT 2 yang berwarna putih dan kuning hendaklah dihantar terus kepada Setiausaha Lembaga ini. Jika ada surat ulasan (covering letter) dihantar kepada Pengarah Ukur, salinan surat itu hendaklah dihantar juga bersama Borang LJT 2 yang berwarna putih itu.
- (c) Apabila Pengarah Ukur Negeri yang berkenaan menerima sahaja Pelan, Buku Kerjalar dan kertas hitungan daripada Jurukur Berlesen, dia hendaklah serta merta menandatangani Borang LJT 3 dan hantarkan satu salinan kepada Setiausaha Lembaga pada hari dia terima itu juga. Jika Borang LJT 3 itu tidak diterima selewat-lewatnya dua minggu daripada tarikh Setiausaha Lembaga menerima Borang LJT 2 yang tersebut di (b) diatas, dia hendaklah berutus melalui talipon dengan Pengarah Ukur Negeri yang berkenaan.
- (d) Setiausaha Lembaga hendaklah serta merta menyediakan cek bayaran apabila dia telah menerima Borang LJT 3 atau pun


telah diberitahu dengan talipon yang pelan, buku kerja-luar dan kertas hitungan telah diterima oleh Pengarah Ukur Negeri berkenaan.

- (e) Cek bayaran itu hendaklah dihantar kepada Jurukur Berlesen pada hari cek itu ditandatangani.

3. Peraturan baharu ini berkehendakkan kerjasama yang jujur daripada semua pihak yang berkenaan. Tidak ada sebab mengapa bayaran kepada Jurukur Berlesen boleh dilengah-lengahkan. Apa-apa Query yang hendak dibuat oleh Pengarah Ukur Negeri tidak boleh dijadikan sebab untuk melengahkan bayaran kepada Jurukur Berlesen. Query boleh dibuat walaupun bayaran telah habis dibayar kepada Jurukur Berlesen asalkan query itu dibuat tidak lewat daripada 12 bulan daripada tarikh pelan dan suratan-suratan yang lain itu diterima oleh Pengarah Ukur Negeri.

4. Borang LJT 1 terus dihantar seperti yang diamalkan sekarang, iaitu ketiga-tiga salinan dihantar kepada Pengarah Ukur Negeri untuk membolehkan mereka mencatatkan nombor lot diatas Borang tersebut sebelum dihantar kepada Setiausaha Lembaga.

5. Jika ada Jurukur Berlesen yang selalu menghantar pelan yang tidak disemak dengan sempurna, Pengarah Ukur Negeri hendaklah melaporkan perkara ini kepada Lembaga.

  
( YEE SHIN CHEONG )  
Ketua Pengarah Ukur,  
Semenanjung Malaysia,  
Pengerusi,  
Lembaga Jurukur Tanah,  
Semenanjung Malaysia.

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Ukur.

Penolong Ketua Pengarah Ukur (Perancang dan Pembangunan).

Penolong Ketua Pengarah Ukur (Utara).

Penolong Ketua Pengarah Ukur (Selatan).

Ahli-Ahli Lembaga Jurukur Tanah.

BORANG LJT 3

Tarikh:

Setiausaha,  
Lembaga Jurukur Tanah,  
d/a Tingkat 1, Bangunan Jabatan Ukur,  
Jalan Gurney,  
Kuala Lumpur.

Tuan,

Penerimaan Pelan dan Lain-lain

Saya telah menerima surat-suratan dibawah ini daripada Jurukur Berlesen \_\_\_\_\_ yang beralamat di

Suratan-suratan yang diterima:

Pelan Akui \_\_\_\_\_ bagi lot \_\_\_\_\_  
Buku Kerjaluar \_\_\_\_\_ Bandar/Mukim \_\_\_\_\_  
Kertas Hitungan \_\_\_\_\_  
Lain-lain \_\_\_\_\_

Rujukan Lembaga: LJT \_\_\_\_\_

Rujukan Jabatan Ukur: \_\_\_\_\_

Yang Benar,

.....

Pengarah Ukur,

.....

(Negeri)

Catitan:

Maklumat yang dikehendakki oleh Borang ini (melainkan "tarikh") hendaklah diisikan oleh Jurukur Berlesen dan 2 salinan dihantar bersama Pelan d.l.l. kepada Pengarah Ukur Negeri yang berkenaan.

Tarikh diisikan oleh Pengarah Ukur Negeri waktu menandatangani Borang ini.